

Pelan

STRATEGIK

Lembaga Kebudayaan
Negeri Sabah

2020-2025



Pelan
STRATEGIK 2020-2025

Perutusan

TIMBALAN KETUA MENTERI

MERANGKAP MENTERI

PELANCONGAN KEBUDAYAAN DAN ALAM SEKITAR SABAH



**Menyusur sungai berdikit-dikit,
Perancangan strategik sejahteraan rakyat.**

Salam sejahtera dan salam budaya,

Kepelbagaian warisan budaya merupakan satu kebanggaan bagi rakyat Sabah dan seterusnya menjadikan Sabah sebagai negeri yang unik dan berbeza dengan negeri-negeri lain di Malaysia. Kepelbagaian warisan budaya diwarisi secara turun temurun oleh 35 etnik dan 215 sub etnik yang kekal terpelihara dan dipertahankan sehingga ke hari ini. Namun kita harus mengakui bahawa bukan mudah untuk menguruskan kepelbagaian budaya ini sepertimana yang dilakukan di tempat lain yang mempunyai bilangan etnik yang sedikit. Perancangan yang sistematik dan teratur perlu diambil bagi mengangkat bidang kebudayaan ke tahap yang lebih baik dan dimanfaatkan sepenuhnya oleh rakyat Sabah.

Sehubungan dengan itu, saya berasa amat gembira dan berbangga kerana Lembaga Kebudayaan Negeri Sabah pada tahun ini telah mengambil inisiatif untuk menerbitkan buku Pelan Strategik Lembaga Kebudayaan Negeri Sabah 2020-2025 sebagai panduan untuk menguruskan dan membangunkan kebudayaan di Sabah. Di kesempatan ini juga, saya ingin mengucapkan tahniah dan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam penyediaan pelan ini.

Dengan terbitnya buku ini, saya mengharapkan agar Lembaga Kebudayaan Negeri Sabah akan terus cemerlang dalam memenuhi segala objektif yang telah disasarkan. Saya juga berharap bahawa Lembaga Kebudayaan Negeri Sabah menjadi peneraju terunggul dalam menguruskan kebudayaan etnik di Negeri Sabah.

Sekian, terima kasih.

A handwritten signature in black ink, appearing to be 'Christina Liew', written over a horizontal line.

Yang Berhormat Datuk Christina Liew

Perutusan SETIAUSAHA TETAP

PELANCONGAN KEBUDAYAAN DAN ALAM SEKITAR SABAH



**Sumur di ladang penuh airnya,
Budaya unggul identiti bangsa.**

Salam sejahtera dan salam budaya,

Kita amat bertuah kerana dikurniai aset pelancongan yang unik dan istimewa. Aset-aset tersebut termasuklah keindahan alam semula jadi dan warna-warni budaya pelbagai etnik di Sabah. Daripada perspektif pelancongan budaya, saya melihat keunikan budaya di Sabah menyediakan peluang pelaburan yang baik daripada sudut pelancongan dan produk kesenian budaya seperti kraftangan, makanan, tarian dan sebagainya. Saya juga melihat aset kebudayaan yang kita warisi sejak turun temurun boleh digunakan sepenuhnya untuk menggerakkan industri kreatif di negeri Sabah.

Pada kesempatan ini, saya ingin merakamkan ucapan tahniah kepada Lembaga Kebudayaan Negeri Sabah di atas usaha mereka dalam menghasilkan buku Pelan Strategik Lembaga Kebudayaan Negeri Sabah 2020-2025 ini. Saya berharap agar, dengan adanya pelan ini, Lembaga Kebudayaan Negeri Sabah akan sentiasa komited dalam melaksanakan semua objektif yang telah dikemukakan bagi menjaga kepentingan bersama. Semoga Lembaga Kebudayaan akan terus berkembang menjadi sebuah peneraju seni budaya yang unggul di negeri Sabah.

Sekian, terima kasih.

A handwritten signature in black ink, appearing to be 'Jamili Nais'.

Jamili Nais, Phd.

Perutusan

PENGERUSI

LEMBAGA KEBUDAYAAN NEGERI SABAH



**Indah kata manis bicara,
Bangsa bertamadun kerana berbudaya.**

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera,

Budaya merupakan cerminan peradaban manusia sejak dahulu kala lagi. Masyarakat yang berbudaya menjadi bualandi pelusuk dunia kerana menjadi bangsa yang kuat dan bersatu padu. Dengan amalan budaya, ia mampu menyatukan pelbagai etnik menjadi satu bangsa yang mencintai negeri atau negara atas dasar kebersamaan antara satu sama yang lain dan dipupuk sejak usia dini.

Sebagai negeri yang berbilang etnik, usaha untuk menguruskan budaya 35 etnik dan 215 subetnik bukanlah perkara yang mudah. Namun dengan perancangan strategik dan sistematik, saya percaya segala kerja akan dilakukan dengan lebih mudah dan berkesan dengan kerjasama semua etnik di Sabah. Semoga dengan Pelan Strategik ini akan meletakkan Lembaga Kebudayaan Negeri Sabah di tahap yang lebih baik selepas ini.

Saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada Kementerian Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar (KEPKAS) di atas sokongan yang diberikan kepada Lembaga Kebudayaan Negeri Sabah (LKNS) selama ini. Sebagai salah satu agensi yang bernaung di bawah KEPKAS, Lembaga Kebudayaan Negeri Sabah akan sentiasa bertindak secara proaktif dalam melaksanakan segala tugas dan amanah yang diberikan.

Sekian, terima kasih

Datuk Hj Ismaily Bungsu

Perutusan

PENGURUS BESAR

LEMBAGA KEBUDAYAAN NEGERI SABAH




Terang malam kerana cahaya bulan, Pelan strategik pemacu kecemerlangan.

Assalamualaikum W.B.T dan salam budaya, Sebagai agensi yang bernaung di bawah Kementerian Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar Sabah, kepercayaan dalam menguruskan hal ehwal kebudayaan etnik diletakkan di bahu Lembaga Kebudayaan Negeri Sabah sejak 24 tahun lalu. Cabaran demi cabaran telah ditempuhi sehinggalah pada masa ini kebudayaan etnik Sabah lebih banyak etnik minoriti yang terpencil malah tidak pernah didengari mula dikenali ramai. Sebagai negeri yang terkenal dengan kepelbagaian budaya, bukan mudah untuk menguruskan semua etnik di Sabah kerana tiada orang tanpa etnik di Sabah. Proses menguruskan budaya hendaklah bermula dari kesedaran etnik itu sendiri yang mana Lembaga hanya berperanan sebagai pemangkin atau pendorong kepada etnik untuk terus mempertahankan budaya mereka.

Sungguhpun demikian, Lembaga Kebudayaan Negeri Sabah telah mengambil banyak inisiatif bagi memastikan budaya kekal terpelihara dan dipertahankan oleh pemilik budaya. Pelan Strategik Lembaga Kebudayaan Negeri Sabah ini merupakan rujukan utama yang akan menjadi panduan kepada warga Lembaga Kebudayaan Negeri Sabah ke arah kecemerlangan pengurusan budaya di negeri Sabah. Saya menaruh harapan kepercayaan tinggi agar Pelan Strategik ini akan menjadi pemangkin kepada pencapaian Bidang Keberhasilan Negeri Sabah dalam bidang warisan budaya pelbagai etnik di Sabah.

Syabas dan tahniah kepada semua pihak yang terlibat dalam penghasilan pelan strategik ini. Saya juga ingin merakamkan berbilang-bilang terima kasih kepada pihak Kementerian Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar di atas sokongan yang diberikan selama ini. Kepada warga kerja Lembaga Kebudayaan Negeri Sabah, marilah kita bersama-sama melakukan yang terbaik untuk memastikan pelan ini dapat dijayakan.

Sekian, terima kasih.



Mansur-Hj. Asun

Carta Organisasi


**AHLI LEMBAGA PENGARAH
LEMBAGA KEBUDAYAAN
NEGERI SABAH**




Datuk Haji Ismaily Bungsu
Pengerusi



Wolfred Gentiu
Timbalan Pengerusi



Bryan Chua Chun Han
Ahli




Chrisnadia Sinam
Ahli



Hiew Yun Lip
Ahli



Yoong Yik Tin
Ahli



Stefly Said
Ahli



Jamili Nais, Phd.
Setiausaha Tetap KEPKAS /
Ex-Officio



Dr. Mistirine Bte Radin
Pengarah Jabatan Pendidikan
Negeri Sabah
Ex-Officio



Jasmi Bin Rasit
Pengarah Jabatan Kebudayaan
dan Kesenian Negeri Sabah
Ex-Officio



Fauziah Haji Bustamam
Kementerian Kewangan
Ex-Officio



Mansur Haji Asun
Setiausaha

Carta Organisasi Pengurusan

LEMBAGA KEBUDAYAAN NEGERI SABAH



Mansur Hj. Asun
Pengurus Besar N54

Sektor Pengurusan
Seni Budaya



Mackey Apison
Timbalan Pengurus Besar B52

Sektor Pengurusan
Organisasi



Marcella Timothy
Timbalan Pengurus Besar N48

Sektor Pengurusan
Kewangan



Masi Maksud
Timbalan Pengurus Besar N48

Sektor Pengurusan
Korporat



Jennifer P. Linggi
Timbalan Pengurus Besar N48

Bahagian Dasar



Flora Iban
Pengurus N41

Bahagian
Penyelidikan



Denis J. Sading
Pengurus N41

Bahagian Teknologi
Maklumat



Nelson Bray
Lawrence
Pengurus N41

Bahagian
Pentadbiran



Hairul Aris
Pengurus N41

Bahagian
Pen. Perkhidmatan



Jason Blasius
Pengurus B41

Bahagian
Pelaburan



Yasidin Sibin
Pengurus N44

Bahagian
Akaun



Siti Mardalinah A. Neezm
Pengurus WA41

Pusat Kebudayaan
Murut Sabah



Mohd. Soffriezan Yahya
Pengurus N41

Bahagian
Pemasaran



Sara Elisya Ahmad Shah
Pengurus N41

Bahagian
Latihan



Rozietha Bumburing
Pengurus B41

Bahagian
Pengembangan



Supian Buang
Pengurus B41

Unit Pengurusan
Aset



Dk Nurul Atiqah Pg. Othman
Ketua Unit Pengurusan Aset N29

Balai Seni Lukis
Sabah



Eva Anani Baggai
Pengurus B41

Pusat Kebudayaan
Sabah Penampang



Azrul@Jonilus Gosmin
Pengurus B29



BALAI SENI LUKIS SABAH
SABAH ART GALLERY

Visi

► Mencapai
Kecemerlangan
Dalam
Pengurusan
Budaya Etnik

- Meningkatkan Penglibatan Masyarakat Dalam Program Seni Budaya ◀
- Memacu Pembangunan Produk Seni Budaya ◀
- Membangunkan Seni Budaya Etnik Sabah sebagai industri ◀
- Mengembangkan Seni Budaya Etnik Sabah ◀

Misi



▶ **Keperibadian Luhur**

Melaksanakan tugas-tugas dengan amanah, berdedikasi, saling menghormati dan berintegriti

▶ **Pelanggan Keutamaan**

Melayan Tetamu / pelanggan dengan sopan, mesra dan sabar. Menyampaikan perkhidmatan dengan cekap, tepat dan berkesan

▶ **Produktiviti & Kualiti**

Memberikan perkhidmatan / produk yang berkualiti dan memenuhi kehendak pelanggan

▶ **Profesionalisme**

Mempertingkatkan ilmu pengetahuan dan kemahiran serta mengamalkan budaya kerja yang kreatif dan inovatif. Mengamalkan sikap adil dan saksama dalam setiap tindakan berlandaskan peraturan dan undang-undang sedia ada

▶ **Pelanggan Keutamaan**

Melayan Tetamu / pelanggan dengan sopan, mesra dan sabar. Menyampaikan perkhidmatan dengan cekap, tepat dan berkesan

Nilai DAN ETIKA

Sejarah PENUBUHAN

Lembaga Kebudayaan Negeri Sabah

September 1976 (No.13 tahun 1976). Strategi awal pembangunan lebih tertumpu pada aktiviti-aktiviti Persatuan Kebudayaan Sabah (PKS) yang ditubuhkan pada 1978.

Lembaga sukan dan Kebudayaan negeri Sabah hanya dapat diaktifkan operasinya pada tahun 1981 dan diletakkan di bawah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Pada tahun 1989, Persatuan Kebudayaan Sabah (PKS) dibubarkan dan semua kakitangannya telah diserapkan di bawah Lembaga Sukan dan Kebudayaan Negeri Sabah.



Pada 31 Disember 1996, Lembaga Sukan dan Kebudayaan Negeri Sabah telah dipisahkan secara rasmi kepada dua entiti iaitu Lembaga Kebudayaan Negeri Sabah dan Lembaga Sukan Negeri Sabah. Lembaga Kebudayaan Negeri Sabah mula beroperasi di Club House, Kompleks Sukan Penampang pada Januari 1997 sebelum berpindah ke bangunan Wisma Budaya pada tahun 1999. Pada April 2003, Lembaga Kebudayaan Negeri Sabah telah diletakkan dibawah Kementerian Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar Sabah (KePKAS).

FUNGSI! FUNGSI!

Lembaga
Kebudayaan
Negeri Sabah

01

Untuk menganjur, mengatur dan menyelaras latihan, seminar, bengkel, forum, kursus, kuliah, penyelidikan kebudayaan atau apa-apa kegiatan lain bagi pemajuan kebudayaan;

02

Untuk memelihara dan memelihara termasuk menubuhkan mekanisme pemeliharaan kebudayaan termasuk memberi khidmat nasihat, menyediakan perundingan atau kepakaran kepada badan kebudayaan;

Untuk membantu dalam, dan menggalakkan pemajuan kraftangan etnik tempatan;

03

Untuk menubuhkan, menyelenggara, menyelaras dan mempromosikan pusat kebudayaan dan Balai Seni di dalam atau di luar Sabah;

04

05

Untuk menjalin hubungan kerja dengan mana-mana badan kebudayaan yang berhubungan dengan kebudayaan di dalam atau di luar Sabah; dan

06

Untuk melakukan apa-apa perkara yang bersampingan dengan atau berbangkit daripada pelaksanaan fungsi-fungsinya di bawah Enakmen ini.



Punca Kuasa

LEMBAGA KEBUDAYAAN NEGERI SABAH

- ▶ Enakmen Lembaga Kebudayaan Negeri Sabah 1996, (pindaan) 2010, (pindaan) 2017
- ▶ Enakmen Badan-badan berkanun (Peruntukan-peruntukan Tambahan) tahun 1997
- ▶ Enakmen Badan-badan berkanun (Peruntukan-peruntukan Tambahan) (Pindaan) 2004



Pelanggan DAN PEMEGANG TARUH

Badan Kebudayaan daripada 35 etnik dan 217 Subetnik sepertimana yang disebut dalam seksyen 2, Enakmen Lembaga Kebudayaan Negeri Sabah 1996 (Pindaan 2010) sebagai :

“Badan Kebudayaan” ertinya sesuatu persatuan, pertubuhan kumpulan orang, syarikat, perusahaan, institusi atau Pusat Kebudayaan yang menjalankan kegiatan kebudayaan di Negeri Sabah.



Piagam Pelanggan

LEMBAGA KEBUDAYAAN NEGERI SABAH

Kami komited dan berjanji akan:

1. Memperbanyakkan aktiviti pemeliharaan, pemuliharaan dan promosi seni budaya etnik Sabah demi menggalakkan perkembangan budaya dalam kalangan rakyat Sabah.
2. Memberikan khidmat latihan seni budaya yang berkala dengan mengetengahkan budaya etnik Sabah sebagai teras latihan
3. Mempromosikan produk tempatan Sabah
4. Bekerjasama dengan badan-badan kebudayaan untuk melaksanakan aktiviti kebudayaan di Sabah
5. Memproses semua permohonan, pertanyaan dan aduan pelanggan dan memberi maklum balas dalam tempoh tujuh (7) hari selepas aduan diterima

Bidang

(KPI) 1: Memantapkan Pengurusan Seni Budaya

KEBERHASILAN UTAMA



Objektif Strategik (SO)

- Membangunkan garis panduan dan rujukan dalam melaksanakan peranan dan fungsi organisasi
- Membangunkan pelan pembangunan kebudayaan negeri Sabah
- Memperkasakan program penyelidikan dan penerbitan seni budaya
- Menyebarkan program pendidikan dan latihan seni budaya
- Memperkasakan program pengembangan seni budaya

Bil	Strategi	Program	Indikator Pencapaian	Indikator Sasaran	Tahun Sasaran	Peneraju dan Bahagian Yang Terlibat
1	Membangunkan dasar, garis panduan, tatacara pengurusan kesenian agar kesenian diurus dengan sistematik dan tertib	Membangunkan dasar/garis panduan, tatacara dan peraturan berkaitan pengurusan kesenian	Bilangan Dasar/Garis panduan LKNS yang berjaya digubal	<ul style="list-style-type: none"> ● Satu (1) Garis Panduan Pengenalan Budaya Etnik Sabah ● Satu (1) Pelan Pembangunan Kebudayaan Negeri Sabah ● Satu (1) garis panduan Pensijilan Produk Kraf ● Satu (1) garis panduan Pensijilan Kampung Budaya ● Satu (1) Dasar/ garis panduan penyelidikan bagi kebudayaan etnik minoriti/kurang dikenali 	2020 - 2025	Bahagian Dasar

Bil	Strategi	Program	Indikator Pencapaian	Indikator Sasaran	Tahun Sasaran	Peneraju dan Bahagian Yang Terlibat
				<ul style="list-style-type: none"> • Satu (1) Garis panduan pemakaian pakaian etnik Sabah dalam kalangan penjawat awam • Satu (1) Garis panduan pensijilan persembahan kebudayaan • Satu (1) Dasar/garis panduan pendaftaran badan kebudayaan di LKNS • Satu (1) Garis panduan persembahan kebudayaan berkonsepkan tarian tradisional etnik harus dirujuk ke LKNS • Satu (1) Garis panduan pentauliahan jurulatih/pakar/koreografi • Satu (1) dasar/garis panduan penerbitan berunsurkan seni budaya Sabah (pengayaan sumber rujukan) 		
2	Memperhebatkan lagi aktiviti penyelidikan seni budaya khususnya kumpulan etnik minoriti yang kurang dikenali	Program Inventori Budaya Etnik Sabah	Melibatkan 5 persatuan etnik setahun	Persatuan etnik	2020 - 2025	Bahagian Penyelidikan dengan kerjasama persatuan

Bil	Strategi	Program	Indikator Pencapaian	Indikator Sasaran	Tahun Sasaran	Peneraju dan Bahagian Yang Terlibat
		Program Daftar Kosa Kata Etnik	3 daftar kosa kata bahasa etnik setahun	Persatuan etnik	2020 - 2025	Bahagian Penyelidikan dengan kerjasama persatuan
		Penyelidikan Kesenian dan Kebudayaan	3 kajian kerjasama mengenai seni dan budaya	NGO dan IPTA/IPTS	2020 - 2025	Bahagian Penyelidikan dengan kerjasama persatuan
3	Mewujudkan sistem pemetaan budaya Sabah	Cultural Mapping / Pemetaan Budaya	Bilangan data/maklumat yang tersedia untuk dimasukkan dalam sistem maklumat cultural mapping	Maklumat taburan etnik mengikut lokaliti/ daerah, pusat pelancongan budaya, persatuan etnik, produk budaya dll	2020 - 2025	Bahagian Penyelidikan
4	Melindungi dan memperkasakan pengetahuan tradisional dan pernyataan kebudayaan etnik Sabah	Pendaftaran harta intelek	Bilangan produk seni budaya yang didaftarkan dalam komponen harta intelek	Produk komuniti mempunyai reputasi, unik dan berkualiti tinggi	2020 - 2025	Bahagian Penyelidikan
		Pemurnian nama-nama tempat dan lokasi	Bilangan nama-nama tempat dan lokasi yang disahkan	Nama-nama tempat dan lokasi	2020 - 2025	Bahagian Penyelidikan
5	Menjadikan LKNS sebagai pusat rujukan seni budaya di Sabah	Penerbitan sumber rujukan seni budaya	20 terbitan setahun	Penerbitan buku, jurnal, e-book, koleksi rakaman muzik, tari, dsb.	2020 - 2025	Bahagian Penyelidikan / semua bahagian yang terlibat.
		Memperbanyakkan pusat budaya	2 pusat budaya	Premis pusat informasi budaya	2020 - 2025	Bahagian Pelaburan

Bil	Strategi	Program	Indikator Pencapaian	Indikator Sasaran	Tahun Sasaran	Peneraju dan Bahagian Yang Terlibat
6	Mewariskan ilmu pengetahuan tradisi dan pernyataan kebudayaan etnik Sabah kepada generasi muda melalui program latihan secara berterusan agar tidak pupus oleh perubahan zaman	Kursus Kemahiran Menjahit pakaian tradisi	<ul style="list-style-type: none"> • 30 jenis pakaian tradisi dari etnik-etnik yang terdapat di Sabah dapat dijahit dan dipelajari oleh peserta • Peserta akan diberi sijil 	Belia, guru-guru dan individu yang berminat • Pereka-pereka pakaian tempatan	2020 - 2025	Bahagian Latihan dengan kerjasama dengan agensi-agensi kerajaan dan swasta
		Bengkel membuat busana hias	<ul style="list-style-type: none"> • 30 jenis busana hiasan dari etnik-etnik yang terdapat di Sabah dapat dipelajari oleh peserta • Peserta akan mendapat sijil 	Belia, guru-guru dan individu yang berminat • Pereka-pereka pakaian tempatan	2020 - 2025	Bahagian Latihan dengan kerjasama dengan agensi-agensi kerajaan dan swasta
		Bengkel Membuat alat Muzik Tradisi	<ul style="list-style-type: none"> • 5 jenis alat muzik tradisi yang semakin pupus dan dilupai oleh generasi muda dapat di ajar kepada peserta 	Belia, guru-guru muzik sekolah persatuan-persatuan etnik • Pemain-pemain muzik profesional	2020 - 2025	Bahagian Latihan dengan kerjasama dengan agensi-agensi kerajaan dan swasta

Bil	Strategi	Program	Indikator Pencapaian	Indikator Sasaran	Tahun Sasaran	Peneraju dan Bahagian Yang Terlibat
7	Memperbanyakkan aktiviti bimbingan budaya dan kegiatan seni untuk semua peringkat.	Latihan Tarian dan Muzik	<ul style="list-style-type: none"> • 5 buah sekolah Tadika, Rendah dan Menengah yang terpilih 	Latihan tarian bermula dari usia 5 tahun <ul style="list-style-type: none"> • Kelab Kebudayaan di sekolah diwajibkan • Ujian soalan berkaitan kebudayaan wajib disekolah • Guru-guru, pelajar IPT, persatuan-persatuan kebudayaan 	2020 - 2025	Bahagian Latihan
		Bengkel Koreografi	<ul style="list-style-type: none"> • Pemberian sijil pengiktirafan kemahiran koreografi. 	Guru-guru pelajar IPT persatuan-persatuan kebudayaan	2020 - 2025	Bahagian Latihan
		Bengkel Asas Penyelidikan dan Penulisan	<ul style="list-style-type: none"> • 2 bengkel asas penulisan dalam tempoh 5 tahun • 2 bengkel asas penyelidikan dalam tempoh 5 tahun 	Persatuan-persatuan etnik, individu-individu yang berminat	2020 - 2025	Bahagian Latihan
8	Menggalakkan golongan professional menceburkan diri dalam persatuan-persatuan kebudayaan dan kesenian yang berkaitan	Kursus kepimpinan pengurusan persatuan	Sekali setahun	Pengurusan Hotel Golongan-golongan professional seperti Ahli Korporat Perniagaan, NGO, Doktor, Ketua-ketua Jabatan Kerajaan		

Bil	Strategi	Program	Indikator Pencapaian	Indikator Sasaran	Tahun Sasaran	Peneraju dan Bahagian Yang Terlibat
9	Penganjuran program untuk menghasilkan karya yang boleh melahirkan generasi muda yang kritis, kreatif, inovatif dan berdaya saing	<ul style="list-style-type: none"> ● Tugu Budaya ● Prima Akustika ● Karnival Budaya ● Pertandingan Busana ● Karnival Onsoi ● 'Keehoi' Cultural Evening ● Anugerah KPTNS 	<ul style="list-style-type: none"> ● Tugu Budaya – 1 kali setahun ● Prima Akustika – 2 tahun sekali ● Karnival Budaya – 1 kali setahun ● Pertandingan Busana – 2 tahun sekali 	<ul style="list-style-type: none"> ● Sekolah Rendah ● Sekolah Menengah ● IPTA/IPTS ● Antarabangsa 	2020 - 2025	Bahagian Pengembangan Seni
10	Pengiktirafan dan penghargaan kepada pengiat-pengiat seni	Anugerah Seni Negeri Sabah	<ul style="list-style-type: none"> ● 8 Penggiat-penggiat Seni ● 8 Pertubuhan / persatuan ● 5 Individu 	<ul style="list-style-type: none"> ● Pengiat-pengiat seni ● Pertubuhan ● Persatuan ● NGO ● Individu 	2 Tahun Sekali (2020 - 2025)	Bahagian Pengembangan Seni
	Meningkatkan jalinan kerjasama dengan badan kesenian luar negara.	Pertukaran budaya (<i>Cultural Exchange</i>)	1 negara setiap tahun [Indonesia, Thailand, Philippines, Korea dan Ireland]	Negara-negara terpilih.	2020 - 2025	Bahagian Pengembangan Seni

Bidang

KEBERHASILAN UTAMA

(KPI) 2: Memperkukuhkan Tadbir
Urus Kepimpinan Dan Sistem Penyampaian

Objektif Strategik (SO)

- Memantapkan sumber tenaga manusia dan tadbir urus yang sistematik
- Memperkasakan pengurusan teknologi maklumat
- Memantapkan sistem penyampaian perkhidmatan yang baik

Bil	Strategi	Program	Indikator Pencapaian	Indikator Sasaran	Tahun Sasaran	Peneraju dan Bahagian Yang Terlibat
1	Memperkasakan Sistem Manual Prosedur Kerja dan Fail Meja.	Pemantapan Tindakan semakan Manual Prosedur Kerja dan Fail Meja	4 kaedah penambahbaikan proses dan prosedur kerja organisasi berpandukan kepada keperluan transformasi dan inovasi	<ul style="list-style-type: none">● Bengkel Pemantapan Sistem manual kerja dan fail meja● Semakan semula● Sumbang saran	2020 - 2025	Bahagian Pentadbiran <ul style="list-style-type: none">● Semua Bahagian terlibat
2	Pengukuhan dan Permohonan Jawatan Lembaga Kebudayaan Negeri Sabah	Permohonan jawatan baru berwaran secara berperingkat	Beberapa jawatan berwaran di pohon mengikut keperluan dan keadaan kewangan LKNS	<ul style="list-style-type: none">● Jusa C● Gred 41 - 48● Gred 21 - 29● Gred 11 - 19	2020 - 2025	Bahagian Pentadbiran <ul style="list-style-type: none">● Bahagian Kewangan

Bil	Strategi	Program	Indikator Pencapaian	Indikator Sasaran	Tahun Sasaran	Peneraju dan Bahagian Yang Terlibat
		Permohonan status jawatan	Memastikan status jawatan sementara	Semua jawatan berwaran di pohon	2020 - 2025	Bahagian Pentadbiran
		Sementara ke tetap	Ke tetap	Kepada tetap		
		Mewujudkan peperiksaan untuk jawatan bahagian Bakat	Menggubal soalan peperiksaan bahagian bakat	<ul style="list-style-type: none"> ● Penubuhan JK Penggubalan Peperiksaan ● Membuat soalan dan skema jawapan ● Memastikan soalan memenuhi kriteria 	2020 - 2025	Bahagian Pentadbiran ● Bahagian Latihan
		Pentauliahan kepada kakitangan LKNS dan Sijil Latihan	Mengenal pasti kakitangan LKNS yang berpotensi diberi pentauliahan sebagai Pelatih Tarian atau Pelatih Jahitan	<ul style="list-style-type: none"> ● Membuat permohonan pentauliahan dengan Jabatan Pembangunan Sumber Manusia 	2020 - 2025	Bahagian Pentadbiran ● Bahagian Latihan
3	Membudayakan kakitangan lebih Kreatif dan Inovatif	Penganjuran Kursus dan Bengkel dalaman dan luaran	100% kakitangan menghadiri kursus/bengkel melebihi 7 hari dan menambah kemahiran kerja	<ul style="list-style-type: none"> ● Kursus ICT ● Kursus Pengurusan Rekod Awam ● Kursus Integriti ● Bengkel Kesenian ● Kursus Pemantapan Jati Diri dan Keutuhan Peribadi ● Kursus Keselamatan ● Kursus Pengurusan Stor ● Kursus Pengurusan Aset ● Kursus Kewangan ● Kursus Bahasa Inggeris 	2020 - 2025	Bahagian Pentadbiran ● Semua Bahagian Terlibat

Bil	Strategi	Program	Indikator Pencapaian	Indikator Sasaran	Tahun Sasaran	Peneraju dan Bahagian Yang Terlibat
				<ul style="list-style-type: none"> ● Bengkel Penulisan ● Bengkel Pemantapan Sistem dan Manual Kerja ● Kursus Kepimpinan 		
4	Pemantapan Perkhidmatan Digital	Pembangunan dan penyelenggaraan sistem perkhidmatan online untuk orang awam	Membangun sistem perkhidmatan online yang dapat dimanfaatkan melalui penggunaan ICT	Sistem penempahan pakej persembahan, pakaian tradisi, pusat-pusat kebudayaan, pembelian buku online serta e-pendaftaran	2020 - 2025	Semua Bahagian Terlibat
		Membangunkan aplikasi ICT bagi perkhidmatan dalaman	Mengaktifkan penggunaan perkhidmatan atas talian	<ul style="list-style-type: none"> ● e-permohonan bekalan pejabat ● e-permohonan 	2020 - 2025	Semua Bahagian Terlibat
		Organisasi		<ul style="list-style-type: none"> ● Kenderaan ● e-cuti ● e-mesyuarat ● e-slip gaji 		
5	Memperkasakan sistem penyampaian perkhidmatan	<i>Key Performance Indicator (KPI)</i>	<ul style="list-style-type: none"> ● Penyelaras/ Urus setia KPI peringkat LKNS ● Menubuhkan Jawatan kuasa KPI peringkat LKNS 	<ul style="list-style-type: none"> ● Melonjakkan bahan terbitan berasaskan kebudayaan etnik Sabah (<i>Traditional knowledge & Traditional Cultural Expression</i>) daripada 63 unit kepada 150 unit menjelang 2023 	2020 - 2025	Bahagian Penyampaian & Perkhidmatan Semua Bahagian LKNS

Bil	Strategi	Program	Indikator Pencapaian	Indikator Sasaran	Tahun Sasaran	Peneraju dan Bahagian Yang Terlibat
				<ul style="list-style-type: none"> • Mewujudkan satu (1) sistem tempahan secara dalam talian (<i>online from service</i>) • Mewujudkan bahan terbitan secara digital yang berasaskan Kebudayaan Etnik Sabah (<i>Electronic Brochure</i>) 		
		Pengurusan Pelanggan	Perkhidmatan cepat, tepat, berkualiti, proaktif, responsif dan <i>citizen-centric</i>	<ul style="list-style-type: none"> • Mengurus Saluran Aduan dan Cadangan Pelanggan dengan efektif • Memberikan pengiktirafan / penghargaan kepada cadangan penambahbaikan. (KIK) • Memantau keberkesanan perkhidmatan yang diberikan oleh setiap bahagian 	2020 - 2025	Bahagian Penyampaian & Perkhidmatan Bhg. Kewangan Bhg. Pentadbiran Bhg. ICT BSLS PKMST PKSP Cawangan

Bidang

(KPI) 3: Mempertingkatkan keterlihatan dan reputasi LKNS dalam industri pelancongan negeri, negara dan antarabangsa

KEBERHASILAN UTAMA

Objektif Strategik (SO)

- Membangunkan identiti korporat organisasi
- Memantapkan perkhidmatan pelanggan
- Mempromosikan produk dan perkhidmatan organisasi
- Memperkukuhkan penglibatan dan jalinan masyarakat dengan budaya etnik Sabah

Bil	Strategi	Program	Indikator Pencapaian	Indikator Sasaran	Tahun Sasaran	Peneraju dan Bahagian Yang Terlibat
1	Memantapkan perkhidmatan pelanggan	<ul style="list-style-type: none"> ● Meningkatkan mutu perkhidmatan serta menawarkan kemudahan yang kondusif ● Khidmat nasihat / rujukan professional ● Penjualan produk-produk LKNS dan usahawan tempatan ● Mewujudkan mini galeri cawangan (Pakaian tradisi dan Karya) 	<ul style="list-style-type: none"> ● Meningkatkan sumber pendapatan LKNS dan pengusaha tempatan ● Sasaran KPI LKNS ● Meningkatkan jumlah pengunjung ● Mengembangkan produk seni dan informasi budaya diperingkat daerah ● Memudahkan penyampaian informasi budaya 	<ul style="list-style-type: none"> ● 100,000 pengunjung setahun ● RM400,000.00 setahun ● Kerjasama dengan syarikat-syarikat, NGO pelancongan dan persatuan etnik, sekolah-sekolah, agensi kerajaan serta swasta 	2020 - 2025	Bahagian Pemasaran <ul style="list-style-type: none"> ● BSLS ● PKMST ● PKSP ● Cawangan LKNS

Bil	Strategi	Program	Indikator Pencapaian	Indikator Sasaran	Tahun Sasaran	Peneraju dan Bahagian Yang Terlibat
		Perkhidmatan perunding dan jurulatih kesenian	Pengurusan pelanggan yang efisien dan terampil	Masyarakat Umum	2020 - 2025	Bahagian Pemasaran ● BSLS ● PKMST ● PKSP ● Cawangan LKNS
2	Membangunkan identiti korporat LKNS	Pemurnian atau penambahbaikan imej korporat LKNS secara melalui bahan cetak, pakaian korporat dan media komunikasi	Keseragaman imej Profesionalisme dan efisien	<ul style="list-style-type: none"> ● Pakaian korporat ● Penerbitan bahan promosi dalam 3 bahasa (BM,BI,BC) 	2020 - 2025	Bahagian Pemasaran ● BSLS ● PKMST ● PKSP ● Cawangan LKNS
3	Mempromosikan produk dan perkhidmatan LKNS	<ul style="list-style-type: none"> ● Pemasaran secara online dan perhubungan awam ● Sesi <i>Brain Stroming</i> dalam organisasi 	<ul style="list-style-type: none"> ● Peningkatan pelanggan ● Pelanggan dan kerjasama baharu dengan institusi lain 	<ul style="list-style-type: none"> ● Penetapan produk/ perkhidmatan dan harga dari setiap bahagian yang terlibat 	2020 - 2025	Bahagian Pemasaran ● PKMST ● PKSP ● Cawangan LKNS
4	Mengukuhkan penglibatan serta jalinan masyarakat dengan budaya etnik Sabah	<ul style="list-style-type: none"> ● Penyampaian maklumat program/ produk / perkhidmatan LKNS melalui media komunikasi/ digital media 	<ul style="list-style-type: none"> ● Penyertaan dan penglibatan orang luar 	<ul style="list-style-type: none"> ● Maklum balas daripada target <i>audience</i> 	2020 - 2025	Bahagian Pemasaran ● BSLS ● PKMST ● PKSP ● Cawangan LKNS

Bidang

(KPI) 4: Memantapkan kedudukan kewangan dan pelaburan

KEBERHASILAN UTAMA

Objektif Strategik (SO)

- Mengukuhkan kedudukan kewangan, belanjawan dan sistem pengurusan kewangan organisasi
- Mempertingkatkan simpanan tetap
- Meningkatkan milikan tanah sebagai aset pelaburan
- Membangunkan usaha sama dengan pihak swasta
- Pembangunan berterusan melalui Rancangan Malaysia (RMK)
- Pengurusan dan penyelenggaraan aset yang efisien dan sistematik

Bil	Strategi	Program	Indikator Pencapaian	Indikator Sasaran	Tahun Sasaran	Peneraju dan Bahagian Yang Terlibat
1	Pengukuhan kedudukan kewangan	Meningkatkan peruntukan tahunan (Geran Kerajaan)	<ul style="list-style-type: none">● Peratusan perbelanjaan<ul style="list-style-type: none">- Geran Tahunan- Geran Tambahan● Peratusan lebihan perbelanjaan	<ul style="list-style-type: none">● Peningkatan 5-6% peruntukan● Mengurangkan kadar hapus kira hutang (Penghutang)	2020 - 2025	BK
		Meningkatkan hasil kutipan (Program LKNS/Acara Kerajaan & Swasta /Sewaan)	<ul style="list-style-type: none">● Peratusan peningkatan hasil pendapatan● Penambahbaikan program sedia ada● Perkenal program / produk baharu	<ul style="list-style-type: none">● Peningkatan 10% pendapatan● Peningkatan 20% tabungan/simpanan tetap	2020 - 2025	Semua Bahagian

Bil	Strategi	Program	Indikator Pencapaian	Indikator Sasaran	Tahun Sasaran	Peneraju dan Bahagian Yang Terlibat
2	Pemantapan belanjawan tahunan	<ul style="list-style-type: none"> • Penyediaan anggaran perbelanjaan -Bengkel Pengurusan Kewangan 	<ul style="list-style-type: none"> • Peratusan perbelanjaan sebenar berbanding peruntukan • Memastikan perbelanjaan mengikut peruntukan yang diluluskan • Perbelanjaan secara berhemah 	<ul style="list-style-type: none"> • 100% peruntukan dibelanjakan (Geran tahunan) • 80% peruntukan tambahan di belanjakan (Geran tambahan) • 10% tabungan daripada Geran Tambahan 	2020 - 2025	Semua Bahagian

Bidang

(KPI) 5: Transformasi Ke Arah Pelancongan Budaya

KEBERHASILAN UTAMA



Objektif Strategik (SO)

- Pembangunan pensijilan-pensijilan budaya

Bil	Strategi	Program	Indikator Pencapaian	Indikator Sasaran	Tahun Sasaran	Peneraju dan Bahagian Yang Terlibat
1	Pembangunan pensijilan budaya	Pensijilan Kampung Budaya	<ul style="list-style-type: none"> ● Garis panduan pensijilan memenuhi piawaian pensijilan standard kampung budaya ● Bilangan sijil yang dikeluarkan 	<ul style="list-style-type: none"> ● Kampung Budaya komuniti dan swasta 	2020 - 2025	Bahagian Dasar ● Bahagian Penyelidikan ● Bahagian Latihan ● Bahagian Pengembangan ● Bahagian Pemasaran
		Pensijilan produk Sabah	<ul style="list-style-type: none"> ● Garis panduan pensijilan memenuhi piawaian pensijilan standard produk Sabah ● Bilangan sijil yang dikeluarkan 	<ul style="list-style-type: none"> ● Produk autentik Sabah – Kraf tangan 	2020 - 2025	Bahagian Dasar ● Bahagian Penyelidikan ● Bahagian Latihan ● Bahagian Pengembangan ● Bahagian Pemasaran



Kementerian
Pelancongan, Kebudayaan
Dan Alam Sekitar



Lembaga Kebudayaan
Negeri Sabah
Tingkat 3-6, Wisma Budaya,
Jalan Tunku Abdul Rahman
P.O. Box 132, 88740 Kota Kinabalu
Sabah.

Tel : 088-268890 / 268863
Fax : 088-264235
Web : WWW.SABAH.GOV.MY/LKS

Direka Oleh :
Mohd Asmih Bin Pidih
Bahagian Dasar